

**KEMPEN SANTUNI MADANI DIGITAL DESA 2025**  
**(UNTUK PELANGGAN DuitNow QR)**

**SOALAN LAZIM**

**1. Siapakah penganjur bagi Kempen Santuni MADANI Digital Desa 2025?**

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat dengan kerjasama PayNet.

**2. Bilakah Kempen Santuni MADANI Digital Desa dianjurkan?**

Kempen ini bermula dari **15 Jun sehingga 30 November 2025** (tertakluk pada perubahan).

**3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?**

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank Rakyat yang telah melanggan DuitNow QR (i-MerchantRAKYAT) semasa berlangsungnya program Santuni MADANI Digital Desa 2025 di salah satu lokasi program (Peserta).

**4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?**

- i. Pelanggan perlu membuka Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) serta melanggan aplikasi i-MerchantRAKYAT semasa tempoh Kempen Santuni MADANI Digital Desa 2025 berlangsung dari 15 Jun sehingga 30 November 2025.
- ii. Penyertaan bagi Kempen Santuni MADANI Digital Desa 2025 adalah tertakluk pada lokasi yang terpilih oleh Bank Rakyat.
- iii. Urus niaga atau penerimaan bayaran yang dilakukan perlu melalui DuitNow QR yang dijana daripada aplikasi i-MerchantRAKYAT.
- iv. Penyertaan untuk kempen ini adalah secara automatik dan tiada pendaftaran diperlukan.

**5. Adakah terdapat sebarang jumlah transaksi sebagai kelayakan minimum yang ditetapkan bagi menyertai kempen ini?**

Ya. Peserta perlu menerima sekurang-kurangnya lima transaksi DuitNow QR pada setiap bulan.

## 6. Bagaimanakah kaedah kelayakan penyertaan dilakukan?

Kategori 1: Bulanan

- i. Melanggan aplikasi i-MerchantRAKYAT semasa tempoh kempen berlangsung.
- ii. Pemenang yang menerima transaksi DuitNow QR tertinggi dalam sebulan berpeluang memenangi wang tunai sebanyak RM250.00. (Minimum lima transaksi sebulan).
- iii. Dua pemenang dari setiap lokasi akan menerima hadiah bulanan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Kategori 2: Utama

- i. Melanggan aplikasi i-MerchantRAKYAT semasa tempoh kempen berlangsung.
- ii. Pemenang yang mempunyai jumlah pedagang yang melanggan aplikasi i-MerchantRAKYAT, jumlah transaksi dan jumlah nilai tertinggi.  
*\*Pemenang boleh terdiri daripada mana-mana organisasi, persatuan, koperasi yang menyertai kempen ini dan memenuhi syarat-syarat di dalam kempen ini.*

## 7. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

Hadiah kempen adalah seperti berikut:

Kategori 1: Bulanan

- Dua pemenang dari setiap lokasi yang menerima **transaksi DuitNow QR tertinggi dalam sebulan** berpeluang memenangi wang tunai sebanyak **RM250.00 setiap bulan** sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Kategori 2: Utama

- Lima pemenang (organisasi/persatuan/koperasi) yang mempunyai **jumlah pedagang yang melanggan aplikasi i-MerchantRAKYAT, jumlah transaksi dan jumlah nilai tertinggi** akan menerima Insentif Perniagaan Digital berjumlah **RM5,000.00**.

## 8. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan untuk kempen ini?

#### Kategori 1: Bulanan

- Pemilihan pemenang bagi kategori bulanan akan dibuat pada **setiap bulan** sepanjang tempoh kempen berlangsung berdasarkan **jumlah transaksi DuitNow QR tertinggi sebulan**. Pemenang berpeluang memenangi wang tunai sebanyak **RM250.00**. (Minimum lima transaksi sebulan).
- Setiap pemenang (sekiranya dipilih sebagai pemenang), yang terdiri daripada mana-mana organisasi, persatuan atau koperasi yang menyertai kempen ini layak untuk memenangi hanya **SATU (1) hadiah** sahaja pada setiap bulan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

#### Kategori 2: Utama

- Pemilihan pemenang hadiah bagi kategori utama akan dipilih berdasarkan individu yang mempunyai jumlah pedagang yang melanggan aplikasi i-MerchantRAKYAT, jumlah transaksi dan jumlah nilai tertinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung.
- Setiap pemenang (sekiranya dipilih sebagai pemenang) hanya layak memenangi **SATU (1) hadiah** sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung.

### 9. Adakah terdapat had untuk memenangi hadiah kempen?

#### Kategori 1: Bulanan

- Setiap pemenang (sekiranya dipilih sebagai pemenang) hanya layak memenangi **SATU (1) hadiah** sahaja pada setiap bulan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

#### Kategori 2: Utama

- Setiap pemenang (sekiranya dipilih sebagai pemenang), yang terdiri daripada mana-mana organisasi, persatuan atau koperasi yang menyertai kempen ini layak untuk memenangi hanya **SATU (1) hadiah** sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung.

### 10. Bagaimana kaedah penyampaian hadiah kepada pemenang?

Hadiah akan dikreditkan ke Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) Bank Rakyat milik pemenang.

**11. Bolehkah hadiah dikreditkan ke akaun pemenang bank lain?**

Tidak boleh.

**12. Bilakah pemenang akan menerima hadiah tersebut?**

Kategori 1: Bulanan

- Pada setiap bulan sepanjang tempoh kempen berlangsung dan keputusan panel diumumkan.

Kategori 2: Utama

- Setelah **kempen tamat** dan keputusan panel diumumkan.

**13. Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah saya masih sebagai pemenang?**

Ya. Kemenangan anda masih sah. Bagaimanapun, anda perlu mengaktifkan atau membuka semula Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) dalam masa 30 hari selepas nama pemenang diumumkan untuk menerima hadiah tersebut.

**14. Jika saya berstatus muflis, akaun dibekukan atau disenarai hitam, adakah saya layak untuk menerima hadiah kempen?**

Pemenang yang berstatus muflis, akaun dibekukan atau disenarai hitam tidak layak untuk memerima hadiah kempen.

**15. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?**

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
- Perbankan Internet Bank Rakyat di [www.irakyat.com.my](http://www.irakyat.com.my)
- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1 300 80 5454
- Laman sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, terma dan syarat i-MerchantRAKYAT serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.